

Pergau: Kerajaan Pusat tak akan berunding — PM

KUALA LUMPUR 9 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Kerajaan Pusat tidak akan berunding dengan Kerajaan Negeri Kelantan berhubung projek Empangan Hidro Elektrik Pergau selagi dikenakan tekanan.

Oleh itu kata Perdana Menteri, rundingan untuk menyelesaikan pertikaian tersebut tidak boleh dilakukan pada masa ini.

"Kita tidak boleh dan tidak akan berunding dalam keadaan di bawah tekanan (*under pressure*)," katanya kepada para pemberita selepas mengadakan dialog dengan kira-kira 700 ahli aka-

demik di Pusat Islam di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika ditanya tentang tindakan pegawai-pegawai Pejabat Tanah dan Jajahan (PTJ) Kelantan memberhentikan operasi empat buah lori pengangkut batu kerikil milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di kawasan empangan tersebut, kelmarin.

Tindakan tersebut menegangkan lagi sengketa antara kerajaan Pas Kelantan dan Kerajaan Pusat, selepas kerajaan negeri bertindak menyekat jalan masuk ke tapak binaan projek \$1.3 bilion itu, Sabtu lalu.

Jalan masuk ke projek

Pergau tidak akan dibuka selagi Kerajaan Pusat tidak membayar pampasan \$90 juta yang dituntut oleh kerajaan Kelantan.

Perdana Menteri seterusnya berkata, beliau tidak pasti sejauh mana kebenaran tindakan pegawai-pegawai PTJ itu kelmarin tetapi jika benar, ia suatu perbuatan yang ternyata salah.

"Kita tidak boleh sentuh harta milik orang lain," katanya sambil mengakui keadaan seumpama itu boleh merumitkan lagi keadaan.

Mengenai kenyataan Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz Nik Mat bahawa langkah menutup jalan ke tapak

projek Pergau sebagai amaran kepada Kerajaan Pusat supaya perjanjian rasmi mengenai projek tersebut ditandatangani segera, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak tahu sama ada kenyataan itu benar.

"Apa yang saya tahu beliau (Nik Aziz) ada minta hendak jumpa Menteri Kewangan dan temujanji itu telahpun ditetapkan tetapi beliau tidak datang," katanya.

Semalam, Nik Aziz dalam kenyataannya di Kota Bharu berkata, tindakan menutup jalan menuju tapak projek Pergau dilakukan sebagai 'mengetuk pintu' supaya Kerajaan Pusat tidak melengah-lengahkan usaha menyelesaikan masalah projek Pergau yang berlarutan sehingga hari ini.

Bagaimanapun menurut Nik Aziz, tindakan tersebut tidak bermakna kerajaan Kelantan cuba menghalang pelaksanaan projek tersebut.

Di Kota Bharu, Menteri Belia dan Sukan, Senator Annuar Musa meminta Kerajaan Kelantan menarik balik tindakan menyekat jalan masuk ke tapak pembinaan Projek Empangan Hidro Elektrik Pergau yang dilakukan sekarang untuk memudahkan rundingan menyelesaikan isu projek tersebut.

Senator Annuar berkata, Kerajaan Kelantan seharusnya mengambil sikap terbuka dengan lebih mengutamakan kepentingan rakyat daripada lain-lain kepentingan.

Katanya, sesuatu tindakan yang diambil hendaknya tidak menyusahkan rakyat sehingga hilang pekerjaan mereka.